

DALAM MAHKAMAH SESYEN & MAJISTRET JENAYAH KLANG, SELANGOR

WARAN TANGKAP

KES TANGKAP NO : MS1-63ES-18-9/15

Dalam perkara :

**MAGNITUDE PLASTIC SDN BHD
(NO SYARIKAT : 1077186-H)**

Yang beralamat di :

**LOT 9203, JALAN UDANG GANTUNG KAMPUNG TELOK GONG 42000
PELABUHAN KLANG, SELANGOR**

Bahawasanya orang tersebut di atas telah dipertuduhkan atas yang berikut ialah :

SILA LIHAT LAMPIRAN

Maka sekarang ini kamu, Ketua Polis Negara, Malaysia dan semua Pegawai Polis yang lain, adalah diarahkan menangkap orang yang dituduh yang tersebut di atas dan mengemukakannya dihadapan Mahkamah yang tersebut di atas dengan seberapa segera yang boleh.

Bertarikh pada : **17 DISEMBER 2015**



Majistret / Penolong Pendaftar
Mahkamah Sesyen dan Majistret
Klang

Jika orang yang dituduh tersebut itu memberi jaminan dirinya sebanyak ----- berserta dengan ----- dengan sebanyak itu juga untuk hadir di hadapan Mahkamah ini pada **18 JANUARI 2016** untuk terus hadir demikian itu sehingga diarah selainnya oleh saya, maka ia bolehlah dilepaskan.



Majistret / Penolong Pendaftar
Mahkamah Sesyen Dan Majistret
Klang

LAMPIRAN I

DALAM MAHKAMAH SESYEN KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
PERBICARAAN JENAYAH NO :

PENDAKWARAYA
LAWAN
MAGNITUDE PLASTIC SDN BHD
(NO SYARIKAT : 1077186-H)

PERTUDUHAN PERTAMA

" Bahawa kamu pada **28 Oktober 2014**, jam lebih kurang **10.30 pagi**, bertempat di **Lot 9203, jalan Udang Gantung, Kampung Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang** di dalam **Negeri Selangor Darul Ehsan** didapati telah melepaskan efluen perindustrian melebihi had piawai sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Peraturan 11(1)(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, ke dalam perairan pedalaman iaitu :-

- i. Kandungan **Pepejal Terampai** yang mempunyai kepekatan sebanyak **190 mg/L** iaitu melebihi had kepekatan yang dibenarkan iaitu **100 mg/L**; C90
- ii. Kandungan **Besi** yang mempunyai kepekatan sebanyak **24 mg/L** iaitu melebihi had kepekatan yang dibenarkan iaitu **5 mg/L**; C19
- iii. Kandungan **Mangan** yang mempunyai kepekatan sebanyak **1.1272 mg/L** iaitu melebihi had kepekatan yang dibenarkan iaitu **1.0 mg/L**; C.1272

Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 25(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dibaca bersama Peraturan 11(1)(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] yang sama dimana jika sabit kesalahan boleh didenda **tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya."**



Pegawai Pendakwa
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
b/p Timbalan Pendakwa Raya

PERTUDUHAN KEDUA

" Bahawa kamu pada **28 Oktober 2014**, jam lebih kurang **10.30 pagi**, bertempat di **Lot 9203, jalan Udang Gantung, Kampung Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang** di dalam **Negeri Selangor Darul Ehsan** didapati telah melepaskan efluen perindustrian melebihi had piawai sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Peraturan 12(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, ke dalam perairan pedalaman iaitu :-

- i. Kandungan **Keperluan Oksigen Kimia (COD)** yang mempunyai kepekatan sebanyak **660mg/L** iaitu melebihi had kepekatan yang dibenarkan iaitu **200 mg/L**. 460

Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 25(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dibaca bersama Peraturan 12(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] yang sama dimana jika sabit kesalahan boleh didenda **tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.**"



Pegawai Pendakwa
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
b/p Timbalan Pendakwa Raya

PERTUDUHAN KETIGA

" Bahawa kamu pada pada **28 Oktober 2014**, jam lebih kurang **10.30 pagi**, bertempat di **Lot 9203, Jalan Udang Gantung, Kampung Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang** di dalam **Negeri Selangor Darul Ehsan** didapati telah gagal :-

- i) memantau kepekatan keperluan oksigen kimia (COD) dan mana-mana parameter sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima;
- ii) memasang meter kadar-aliran, kelengkapan pensampelan, pemantauan dan perekodan.

Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Peraturan 7(1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan boleh dihukum di bawah Seksyen 41, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] yang sama dimana jika sabit kesalahan boleh didenda **tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.**"



Pegawai Pendakwa
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
b/p Timbalan Pendakwa Raya